

## Ada baiknya Presiden menang tanpa bertanding

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, tidak menghadapi sebarang tentangan untuk jawatan Presiden Parti kerana tidak terdapat seorang pun calon mengemukakan surat pencalonan untuk jawatan tersebut. (Dipetik dari muka hadapan Berita Harian Jun 10, 1981 di bawah kepala besar "Timbalan Musa, Razaleigh saja Dr. Mahathir tidak hadapi tentangan").

\*\*\*

### Komen Penulis:

Ini bermakna bahawa sebelum Datuk Seri Dr. Mahathir menjadi Presiden UMNO secara rasmi (dan selepas itu Perdana Menteri Malaysia) apa yang diperlukan cuma pengesahan dan pengumuman oleh Perhimpunan Agung UMNO pada Jun 26 nanti.

Memandangkan kepada keadaan di hari ini, kemenangan tanpa bertanding seperti ini adalah baik bukan sahaja bagi Datuk Seri Dr. Mahathir, tapi juga bagi Parti, rakyat dan Negara. "Baik" bagi diri Datuk Seri Dr. Mahathir, kerana ia menghapuskan kebimbangan atau "anxiety" dari adanya; sementara "baik" bagi Parti, rakyat dan Negara pula, kerana dengan kemenangan tanpa bertanding ini Dr. M (sekurang-kurangnya "in theory") tidak akan terdedah kepada kemungkinan "tawar-menawar" (horse-trading) dengan gelengan atau individu tertentu untuk mendapatkan "undi pemutus" (deciding votes), seperti yang mesti dilakukan oleh calon-calon Presiden Parti yang mahu menjadi Perdana Menteri di setengah-setengah negara — Jepun, umpamanya.

Amalan mengadakan "tawar-menawar" atau "powwow" di antara bakal Presiden Parti (dan Perdana Menteri) dengan individu atau ge-

longan tertentu untuk mendapatkan "undi pemutus atau penentu" bukan sahaja menjatuhkan maruah bakal Presiden malah membawa akibat buruk kepada Parti, rakyat dan Negara, kerana kepentingan individu atau golongan tertentu tidak semestinya bersamaan dengan kepentingan Parti, rakyat dan Negara!

Tambahan lagi, seseorang pemimpin yang berjaya menjadi Ketua Parti dan Perdana Menteri melalui sokongan Parti pada keseluruhannya (tanpa "kowitz" kepada individu atau golongan tertentu) biasanya boleh diharapkan untuk bertindak dan membuat satu-satu keputusan "without fear or favour" — dengan berpandukan kepada "conscience" di kepala dan kepada kepentingan Parti, rakyat dan negara semata-mata. Lebih-lebih lagi jika pemimpin berkenaan tidak pula termasuk kedalam kategori manusia tamak dan gila kuasa, yang mahu berpaut kepada kerusi sampai mati...

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia